

Penduduk di sekitar Bangi resah ekoran kejadian samun bersenjata

Gempap penyamun berparang

KAJANG - Penduduk di sekitar Bangi dekat sini resah ekoran tujuh kejadian samun bersenjatakan parang yang berlaku di sekitar kawasan tersebut pagi kelmarin.

Seorang mangsa ragut di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi, Norazilah Abdul Karim, 42, berkata, dia masih trauma dengan kejadian pada pagi Selasa lalu apabila suspek bertindak mengacukan parang kepadanya sebelum merampas beg sandang berisi komputer riba miliknya.

"Ketika kejadian, saya hendak pergi ke tempat kerja di Putra-jaya dan sedang panaskan enjin kereta, tiba-tiba datang dua suspek memakai topi keledar bertutup muka penuh berdiri di tepi pintu bahagian penumpang.

"Akibat terlalu panik, saya telah menendang salah seorang suspek sebelum suspek berkenaan mengacukan parang ke lengan saya. Dia (suspek) merampas sebuah beg sandang berisi komputer riba, dokumen peribadi termasuk pengenalan diri serta sebuah telefon bimbit jenama Asus yang diletakkan di kerusi bahagian penumpang.

"Suspek juga bertindak menarik tudung saya, mungkin mahu lihat sama ada saya memakai rantai emas atau tidak," katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Katanya, dia tidak berani melawan kerana ternampak dua lagi suspek yang berada atas motosikal sedang menunggu di belakang keretanya.

Menurut Norazilah, setelah



TAMAN Desa Surada, Bandar Baru Bangi tempat salah satu lokasi kejadian samun kelmarin.

suspek merampas beg sandang miliknya, mereka bertindak melarikan diri dengan menaiki dua buah motosikal.

Akibat kejadian tersebut, Norazilah mengalami luka ringan dan lebam di bahagian lengan kanan dan kaki kiri.

Pengerusi Persatuan Penduduk Perumahan Seksyen 9, Bandar Baru Bangi, Mohd. Noor Kasim berkata, kejadian samun bersenjata yang berlaku di Seksyen 9 itu dipercayai dilakukan oleh beberapa suspek yang

menaiki motosikal.

"Apa yang membimbangkan kerana kejadian tersebut melibatkan mangsa wanita yang diacukan parang oleh suspek sebelum barang milik mangsa dilarikan," katanya.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Willey Richard mengesahkan menerima tujuh laporan berkaitan kes samun bersenjata dan ragut yang



RAKAMAN CCTV menunjukkan sekumpulan lelaki bermotosikal melakukan samun di Bandar Seri Putra, Bangi.

berlaku di Bandar Baru Bangi dan Bandar Seri Putra, Bangi kelmarin.

"Satu pasukan khas telah ditubuhkan bagi menyoiasat dan memburu suspek-suspek berkenaan.


"Polis juga telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan kekerapan rondaan statik di kawasan tersebut," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Polis Selangor, Datuk Abdul Samah Mat berkata, penduduk diminta untuk menghubungi balai polis berhampiran jika melihat kenderaan asing pada waktu tengah malam atau lewat pagi bagi mengelak perkara sedemikian berulang.

"Jika penduduk melihat sebarang perbuatan mencurigakan atau kenderaan asing memasuki kawasan kejiranan, jangan teragak-agak untuk menghubungi pihak polis.

"Ini kerana tindakan pantas penduduk mampu membantu pihak berkuasa mengesan sebarang kes yang berlaku dengan lebih cepat," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Lokasi kejadian samun di sekitar Bangi kelmarin



- 1 Seksyen 9, Bandar Baru Bangi**
Samun bersenjatakan parang melibatkan 4 lelaki, 2 motosikal
- 2 Jalan Dusun, Sungai Ramal, Kajang**
Samun bersenjatakan parang; 4 lelaki, 2 motosikal
- 3 Seksyen 8, Bandar Baru Bangi**
Samun bersenjatakan parang; 4 lelaki, 2 motosikal
- 4 Taman Desa Surada, Bandar Baru Bangi**
Samun bersenjatakan parang; 6 lelaki, 3 motosikal
- 5 Seksyen 3, Bandar Bukit Mahkota**
Samun bersenjatakan parang; 3 lelaki 2 motosikal
- 6 Arcasia Bandar Seri Putra**
Samun bersenjatakan parang; 4 lelaki, 2 motosikal
- 7 Berdekatan sekolah di Bandar Seri Putra**
Samun bersenjatakan parang, 4 lelaki, 2 motosikal

Kosmo!
8/1/16
mls 2